

Efikasi Kendiri: Perbandingan Antara Islam dan Barat

Self Efficacy: A Comparison Between Islam and West

Noornajihan, J.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: + 6013-6130732 E-mail: noornajihan@usim.edu.my

Abstrak

Terminologi efikasi sendiri (EK) merupakan terminologi yang diperkenalkan dalam ilmu psikologi sekitar tahun 70-an. Namun, istilah ini masih kurang difahami oleh kebanyakan individu terutama mereka yang bukan berlatar belakang bidang psikologi. Oleh itu, satu keperluan hasil penulisan ini diketengahkan, memandangkan konsep ini penting dalam diri setiap individu bagi memacu kecemerlangan diri. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas serba ringkas mengenai konsep EK dari perspektif Islam dan Barat, dengan melihat kepada beberapa titik persamaan dan perbezaan antara kedua-dua pandangan. Islam dan Barat bersetuju bahawa individu yang memiliki EK yang tinggi merupakan individu yang berfikiran positif, berani mengambil risiko dan tidak mudah berputus. Namun pandangan Islam terhadap konsep ini lebih luas, kerana Islam mengaitkan konsep ini dengan konsep tauhid *uluhiyyah* dan konsep manusia sebagai *ahsan al-taqwim*. Oleh demikian, EK dari perspektif Islam lebih bersifat kekal dan umum, di samping individu yang berefikasi tinggi menurut Islam ialah individu yang memiliki sifat sabar, syukur, redha dan redha.

Katakunci: Efikasi Kendiri; Psikologi; Perspektif Islam; *Tauhid Uluhiyyah*; *Bandura*

Abstract

The term of self efficacy was introduced in psychological field around 70's. However, this term is still not very prominence by most individuals, especially those who are not from psychology background. Therefore, it is very

important to highlight this issue, due to its important towards the successful of oneself. Precisely, this paper will explore the concept of self efficacy from the Islamic and Western perspective, with a view on some point of similarities and differences. Both views agree that individuals with high self efficacy is a positive-minded individuals, willing to take risks and not easy to give up. Yet, Islam's view on this concept is broader. It is because Islam relates this concept to the concept of "*tauhid uluhiyyah*" and the concept of "human as *ahsan al-taqwim*". Thus, self efficacy from the Islamic perspective is more endure and holistic, as well as high-efficacious individuals according to Islam is a person who has patience (*sabr*), gratitude (*syukr*), *redha* and *tawakkal*.

Keywords: Self efficacy; Psychology; Islamic Perspective; *Tauhid Uluhiyyah*; *Bandura*

Pengenalan

Terminologi efikasi sendiri (EK) merupakan terminologi yang digunakan dalam bidang psikologi. Maka tidak hairanlah jika terminologi ini dikatakan asing bagi masyarakat Malaysia umumnya dan bidang Pendidikan Islam (PI) khususnya (Tschannen-Moran, 2012). Justeru kertas kerja ini akan membincangkan tentang konsep EK dari perspektif Islam dan Barat dengan mengenal pasti beberapa titik persamaan dan perbezaannya antara kedua-dua pandangan.

Konsep Efikasi Kendiri Dari Perspektif Barat

Efikasi Kendiri (EK) merujuk kepada proses kognitif yang menjadi pemacu kepada tingkah laku individu. Menurut Bandura (1982, 1997,

2003) EK merupakan satu konsep kepercayaan peribadi individu untuk mengawal pelbagai situasi yang berlaku dalam kehidupannya. Keupayaan mengawal situasi merujuk kepada kebolehan melaksanakan sesuatu tugas dengan jayanya mengikut piawaian yang ditetapkan. Keyakinan terhadap kebolehan diri untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan akan mempengaruhi; (1) tindakan dan pengendalian tingkah lakunya, (2) pilihan untuk mendekati sesuatu situasi dan persekitaran, (3) ketekunan melakukan tugas tertentu (Bandura, 1997). Untuk menjangkau tahap efikasi seseorang akan bertanya “Adakah saya mempunyai kebolehan untuk merancang dan melaksanakan sesuatu yang perlu untuk menyempurnakan tugas pada tahap yang dikehendaki?” (Chester & Beaudin, 1996; Tschannen-Moran et al., 1998)

Larson et al. (1992) berpandangan bahawa kesedaran terhadap EK menjadi penghubung antara pengetahuan seseorang dengan tindakannya untuk melakukan sesuatu tugas dengan pengetahuan yang dimiliki. Pandangan ini bersandarkan kepada Teori Tingkah Laku Terancang (TTLT) (*Theory of Planned Behavior*) Ajzen (1991). TTLT merupakan lanjutan kepada Teori Tingkah Laku Bersebab (TTLB) yang dikemukakan oleh Fishbein dan Ajzen pada tahun 1975 (Ajzen 1991). Elemen baru yang dimasukkan dalam teori ini ialah kawalan tingkah laku yang ditanggapi (*perceived behavioral control*) yang mana ia merujuk kepada konsep EK Bandura (1977) (Rorlinda, 2009).

Konsep Efikasi Kendiri Dari Perspektif Islam

Kata kunci bagi efikasi kendiri (EK) dari perspektif Islam ialah kepercayaan. Terminologi yang dirujuk bagi menjelaskan konsep kepercayaan dalam Islam ialah iman. Iman dari segi bahasa bermaksud membenarkan sesuatu, mempercayai dan mengiktiraf (Ruhi, 2004). Manakala iman dari segi istilah seperti yang ditakrifkan oleh al-Ghazali (t.th.) ialah membenarkan sesuatu dengan hati,

mengakuinya dengan lisan atau kata-kata dan mengamalkannya dengan perbuatan.

Seseorang individu itu hanya mampu melakukan sesuatu perkara dengan jayanya sekiranya ia percaya dengan keupayaan diri sendiri (Ainon & Abdullah, 2006). Kepercayaan merupakan faktor utama yang membawa seseorang kepada kejayaan atau kegagalan (Ibrahim, 2005). Jika dikiaskan dengan konsep amal soleh dalam Islam, sesuatu amalan itu bertitik tolak daripada iman seseorang individu. Seseorang itu tidak akan melakukan amal soleh sekiranya ia tidak beriman kepada Allah (s.w.t) atau tidak sempurna keimanan seseorang mukmin sekiranya ia tidak melakukan amalan yang dituntut dan meninggalkan perbuatan yang dilarang oleh syara'. Kerana itu, jika diamati ayat al-Quran, perkataan *عملوا الصالحات* tidak disebutkan secara bersendirian, selain diatafkan sebelumnya dengan perkataan *يا أيها الذين آمنوا*. Begitulah sesuatu tindakan atau amalan yang dilakukan oleh seseorang individu, ia sebenarnya bertunjangkan kepercayaan individu tersebut terhadap keupayaan dirinya untuk melakukannya

Kepercayaan terhadap keupayaan diri dalam melakukan sesuatu tugas atau menempuh sesuatu rintangan bertitik tolak daripada firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya (Al Quran 2:286).

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah (s.w.t) tidak akan membebani hambanya dengan sesuatu yang tidak mampu ditanggung. Sekiranya individu beriman dengan janji Allah (s.w.t) ini, maka akan timbullah satu bentuk keyakinan dalaman bahawa sesuatu tugas yang diamanahkan adalah mampu dilaksanakan serta rintangan yang ditempuhi dalam melaksanakan tugas tersebut mampu diatasi, kerana kemampuan itu adalah berkadaran

dengan apa yang ditentukan oleh Allah (s.w.t) kepada individu tersebut.

Pandangan Barat bahawa EK merupakan jambatan bagi ilmu dan tindakan menyokong konsep asas Islam iaitu ilmu, iman dan amal. Menurut al-Ghazali (t.th) sesuatu amal itu diukur berdasarkan niat dan cara pelaksanaan yang betul mengikut syariat Islam. Dalam konteks ini ilmu itu merupakan tunjang bagi mengukur sesuatu perbuatan samada betul atau salah. Pada masa yang sama individu berilmu yang tidak beramal dengan ilmunya dianggap belum sempurna imannya (al-Ghazali, t.th). Justeru benarliah pandangan di atas yang mengatakan bahawa EK merupakan penghubung antara pengetahuan dan tindakan seseorang individu.

Titik Persamaan Antara Pandangan Islam Dan Barat Terhadap Konsep Efikasi Kendiri

Beberapa persamaan antara Islam dan Barat terhadap konsep EK telah dikenal pasti. Islam dan Barat bersetuju bahawa individu yang tinggi tahap EK merupakan individu yang berani mengambil risiko dan sanggup berkorban; sentiasa berfikiran positif; serta tidak mudah berputus asa dan berterusan dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Berani Mengambil Risiko dan Sanggup Berkorban

Individu yang tinggi tahap EK merupakan individu yang sanggup mengambil risiko dan sanggup berkorban bagi menyelesaikan sesuatu tugas yang diamanahkan. Mereka ini mungkin akan menghadapi kegagalan, cacian, dan kerugian. Namun, bagi individu ini kemungkinan-kemungkinan tersebut tidak menjadi fokus mereka. Apa yang mereka pentingkan ialah tindakan dan strategi bagi memastikan kejayaan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Mereka bersedia untuk melakukan sebarang pengorbanan samada dalam bentuk masa, tenaga dan wang ringgit. Ini kerana mereka yakin setiap keperitan pasti ada kejayaan yang menunggu di hadapan (Daud, 2000).

Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam yang mana Allah (s.w.t) telah menjanjikan balasan syurga bagi mereka yang mengorbankan jiwa raga dan harta ke jalan Allah (s.w.t) Firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah (s.w.t) telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga (Al-Quran 9:111).

Hal ini turut diakui oleh Barat. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan bagi membuktikan bahawa EK akan mempengaruhi bentuk dan tahap kesukaran tindakan yang bakal diambil oleh seseorang. Individu yang memiliki EK yang tinggi didapati meminati tugas-tugas yang sukar dan melihatnya sebagai cabaran yang boleh diatasi berbanding ancaman yang menggugat diri (Lin, 1998; Orpen, 1995; Pajares, 1996; Stajkovic & Luthans, 1998; Zimmerman, 1995).

Berfikiran positif sebagai individu mukmin, yang penting ialah sentiasa berfikiran positif terhadap sesuatu dan berprasangka baik iaitu *husnu al-zan* terhadap ketentuan Allah (s.w.t) Sekiranya seseorang individu berfikiran positif terhadap sesuatu maka yang positif itulah yang akan datang padanya dan begitu juga sebaliknya (Rusdin, 2008). Ini kerana dalam hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Muslim (1984, no. hadis 7005) Allah (s.w.t) menyatakan bahawa Allah (s.w.t) sentiasa bersama dengan prasangka hambanya.

Maksudnya: Allah (s.w.t) berfirman: Aku sesuai dengan prasangka hamba Ku, dan Aku bersamanya ketika ia memohon kepada Ku.

Oleh itu, bagi memperoleh kejayaan, individu haruslah bergerak ke hadapan tanpa perlu terlalu memikirkan halangan dan rintangan yang terpaksa dihadapi (Sulaiman al-Kumayi, 2008). Ini kerana apa pun usaha yang dilakukan pasti ada hasil yang menanti, seperti firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya (Al-Quran 53:39).

Maksudnya: Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaan mu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan (Al-Quran 94:5-6).

Barat juga mengakui bahawa individu yang mempunyai EK sering berfikir positif. Individu sebegini akan memperlihatkan siri-ciri seperti pencapaian peribadi yang tinggi; rendah tahap tekanan dan tidak mudah tersinggung (Bandura, 2003; Munson et al., 1986; Pajares, 1996, 1997), sebaliknya individu yang memiliki tahap EK yang rendah akan mengelak diri daripada melakukan kerja-kerja sukar yang mengancam diri (Betz, 2000). Apabila berhadapan dengan tugas yang sukar, individu yang berefikasi rendah memfokuskan kepada kekurangan diri dan segala andaian halangan berbanding memberi perhatian kepada cara menyelesaikan tugas tersebut. Ini akan menjadikan mereka kurang berusaha, cepat mengalah dan mudah terlibat dengan tekanan.

Tidak Mudah Putus Asa dan Istiqamah

Individu yang mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap keupayaan dan kemampuan diri sendiri dalam melakukan sesuatu tugas atau melaksanakan sesuatu tanggungjawab ialah individu yang mempunyai keazaman yang tinggi. Keazaman inilah yang membuatkan seseorang individu itu gigih dan tekun serta tidak mudah berputus asa. Seberat mana pun kesulitan yang dihadapi individu yang percaya pada kemampuan diri ini tidak akan mudah mengalah, bahkan rintangan tersebut dijadikan sebagai sempadan untuk mencabar diri terus bergerak ke hadapan bagi meningkatkan kecemerlangan diri (Abdul Aziz, 1995).

Individu yang percaya pada kemampuan diri, apabila menghadapi sesuatu kegagalan, mereka

tidak akan membesar-besarkan kelemahan diri, bahkan mereka bangkit dan menjadikan kegagalan tersebut sebagai pengajaran agar tidak diulangi pada masa akan datang. Begitu juga sebaliknya. Sekiranya mereka berjaya, mereka tidak mendabik dada mengatakan kejayaan itu berpunca dari diri mereka sahaja, bahkan mereka meletakkan kejayaan sebagai pertolongan dari Allah (s.w.t) kerana mereka percaya bahawa kemampuan yang mereka miliki bagi mencapai kejayaan tersebut datangnya dari Allah (s.w.t) (Abdul Aziz, 1998).

Keazaman yang tinggi serta tidak mudah berputus asa merupakan sesuatu yang dituntut oleh Allah (s.w.t) seperti firmanNya yang berbunyi:

Maksudnya: Janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah (s.w.t) Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah (s.w.t) itu melainkan kaum yang kafir” (Al-Quran 12:87).

Individu yang tinggi tahap EK akan istiqamah atau konsisten dalam melakukan sesuatu tugas yang diberikan. Individu ini akan membuat perancangan bagi memastikan sesuatu tugas yang diberikan dapat diselesaikan pada masanya dengan kualiti yang terbaik. Oleh demikian tindakan yang konsisten akan diambil berdasarkan jadual kerja dan masa yang telah ditetapkan. Individu ini tidak terburu-buru dan tidak juga berlengah-lengah dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Ini kerana mereka patuh pada ketetapan jadual kerja yang telah dirancangan mengikut kehendak piawaian sesuai dengan keupayaan diri dan masa. Individu ini akan konsisten dengan kerja mereka dan tidak mudah terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti lain yang boleh mengganggu kelancaran kerja mereka (Abdul Aziz Ismail, 1998).

Hal ini seperti yang digambarkan dalam surah Fussilat bahawa Allah (s.w.t) meminta agar Rasulullah s.a.w. istiqamah dalam menyampaikan ajaran Islam, tetap teguh dengan perintah Allah (s.w.t) dan tidak tunduk pada

kehendak manusia. Allah (s.w.t) berfirman:

Maksudnya: Oleh kerana yang demikian itu, maka serulah (mereka Wahai Muhammad kepada Islam), serta tetap teguhlah Engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepada Mu, dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka (Al-Quran 41:30).

Hadis Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ahmad (t.th., no. hadis 2630) turut menyatakan bahawa antara amalan yang disukai Allah (s.w.t) ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit.

Maksudnya: Amalan yang disukai Allah (s.w.t) ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit.

Hal ini turut diakui oleh Barat, di mana individu yang tinggi EK akan membentuk espektasi atau harapan terhadap diri sendiri dan seterusnya mendorong tindakan yang betul diambil (Khoo dan Tan, 2004). Individu yang memiliki tahap EK yang tinggi akan menggunakan seberapa banyak potensi diri yang ada untuk mencapai harapan yang telah dibentuk sejak awal. Individu yang berefikasi tinggi seterusnya akan memberikan komitmen penuh dan berterusan kepada tindakannya bagi memastikan harapan yang dibentuk tercapai dan menghasilkan kejayaan. Kejayaan ini akan memperteguhkan semula EK yang ada (Dacey & Kenny, 1997).

Perbezaan Antara Pandangan Islam Dan Barat Terhadap Konsep Efikasi Kendiri

Walaupun terdapat beberapa persamaan antara pandangan Islam dan Barat terhadap konsep EK, terdapat juga beberapa perbezaan antara kedua-dua pandangan ini. Antara perbezaan yang dikenal pasti ialah: (1) EK pada pandangan Islam lebih bersifat umum dan kekal, manakala Barat melihat EK sebagai sesuatu yang khusus dan tidak kekal; (2) Individu yang mempunyai EK tinggi pada pandangan Islam merupakan individu yang bersyukur, redha dan tawakal, yang mana konsep ini tiada pada Barat.

Efikasi Kendiri: Umum dan Kekal VS Khusus dan Tidak Kekal

Fitrah kejadian manusia yang dijadikan Allah (s.w.t) dengan pendengaran, penglihatan dan hati sebagai sumber pencerapan informasi seterusnya membentuk ilmu, menjadikan manusia makhluk ciptaan Allah (s.w.t) yang mempunyai potensi dalam segala hal. Ini seperti yang difirmankan oleh Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu Dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur (Al-Quran 16:78).

Telinga dan juga mata merupakan pancaindera yang berfungsi untuk mendengar dan juga melihat. Melalui pendengaran dan juga penglihatan inilah manusia merakamkan pengalaman yang dijadikan rujukan kelak apabila berhadapan dengan sebarang situasi yang getir. Semakin kerap seseorang individu berjaya menyelesaikan masalah berdasarkan pengalamannya, maka semakin yakinlah seseorang individu itu terhadap potensi dirinya untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah mendatang. Keyakinan itu pula letaknya di hati (Danial, 2007).

Manusia merupakan ciptaan Allah (s.w.t) yang paling sempurna. Hati yang merupakan tempat letaknya emosi dikurniakan kepada manusia supaya manusia berperanan sebagai hamba, tunduk kepada kuasa yang maha Esa. Manakala akal pula merupakan tempat letaknya fikiran dikurniakan kepada manusia supaya manusia berperanan sebagai khalifah, mengoptimumkan fungsi akal bagi mentadbir dan mengimarahkan bumi Allah (s.w.t) (al-Rabi'I, 2003). Justeru tidak syak lagi bahawa manusia merupakan ciptaan Allah (s.w.t) yang fitrahnya berpotensi, berkeupayaan, berkemampuan dan berkebolehan dalam melakukan dan menyelesaikan pelbagai perkara. Keistimewaan yang ada pada diri manusia inilah yang menjadikan manusia

mampu menghadapi dan menyelesaikan apa jua cabaran serta rintangan yang datang padanya.

Fitrah manusia sebagai *ahsan al-taqwim* iaitu sebaik-baik kejadian seperti yang dinyatakan al-Quran dalam surah al-Tin (95: 4) akan meningkat keistimewaannya sekiranya manusia beriman kepada Allah (s.w.t) Firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (Al-Quran 95:4)

Ibn Asyur (1984) dalam mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa yang dikatakan sebaik-baik kejadian itu adalah dari aspek fizikal dan dalaman yang merangkumi yakin dengan keupayaan diri, tidak berhasad dan sentiasa inginkan kejayaan dan kesempurnaan. Allah (s.w.t) telah mengiktiraf umat Islam yang beriman kepadaNya sebagai individu yang cemerlang dan berjaya. Oleh itu mereka tidak boleh dan tidak perlu berasa lemah dan sedih sekiranya ditimpa dengan kekalahan atau kesusahan dalam apa jua pekerjaan atau tugas. Ini bertepatan dengan firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman (Al-Quran 3:139).


Kejayaan, kecemerlangan dan kesempurnaan dalam melakukan sesuatu tugas tidak akan tercapai sekiranya tidak diusahakan oleh individu yang berkehendak kepada kejayaan, kecemerlangan dan kesempurnaan tersebut (Zaini, 2009; Maznah, 2002). Ini disokong dengan firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Ra'd (13: 11) bahawasanya Allah (s.w.t) tidak akan mengubah nasib sesebuah kaum sehinggalah mereka sendiri yang mengubah nasibnya.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah (s.w.t) tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri (Al-Quran 13:11).

Dengan kata lain, individu yang inginkan kejayaan perlulah berdikari, usaha dengan tangan sendiri, tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Sikap terlalu bergantung kepada orang lain hanya akan membantutkan pemikiran serta kreativiti seseorang individu selain menyempitkan peluangnya untuk memperoleh kekuatan yang sempurna dan keperkasaan yang sejati (Abdul Aziz, 1995).

Bagi menukar atau mengubah sesuatu tabiat atau amalan yang buruk kepada amalan yang baik, individu perlulah memulakannya dari diri sendiri iaitu dengan memperbetulkan persepsi atau paradigma terhadap sesuatu perkara (Ainon, 2005; Zahir & Amaludin, 2008). Sebagai contoh, untuk memperoleh kejayaan dalam melaksanakan sesuatu tugas, individu perlulah memasakkan dalam pemikiran bahawa kejayaan itu bakal diperoleh melalui usahanya sendiri dengan izin Allah (s.w.t) Paradigma yang telah dibentuk seterusnya menentukan sikap individu. Sikap yang positif kesan dari paradigm yang betul akan membuahkan hasilnya yang boleh dilihat dari segi tingkah laku atau amalan terhadap sesuatu tugas (Sidek, 2011).

Proses perubahan tingkah laku ini telah dijelaskan oleh al-Ghazali (t.th.) dalam konsep *tazkiyah al-nafs* atau pembersihan jiwa (lihat Rajah 1). Proses *tazkiyah al-nafs* melibatkan tiga elemen iaitu akal yang diwakili oleh ilmu membentuk paradigma individu, hati yang diwakili oleh iman membentuk sikap dan seterusnya tingkah laku yang diwakili oleh amal membentuk amalan individu Muslim dalam kehidupan sehariannya. Hati yang diwakili oleh iman merupakan elemen perantaraan. Hati yang dipandu oleh akal atau ilmu yang bersandarkan *ma'rifah* terhadap Allah (s.w.t) akan memandu perlakuan individu dalam kehidupan sehariannya.



Rajah 1: Model Tazkiyah al-Nafs (al-Ghazali t.th)

Diri sendiri sebagai faktor utama kejayaan telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. Ini kerana musuh atau rintangan dalam menempuh kejayaan itu sebenarnya adalah diri manusia itu sendiri. Seinggakan Rasulullah s.a.w. menyifatkan usaha menangkis sifat-sifat *mazmumah* dalam diri sebagai *jihad al-akbar* iaitu pertempuran besar jika dibandingkan dengan peperangan melawan musuh Islam yang disifatkan sebagai *jihad al-asghar* iaitu pertempuran kecil. Dalam satu peristiwa bila mana para sahabat r.a. yang baru selesai daripada satu peperangan menghampiri Rasulullah s.a.w., Baginda s.a.w. telah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi (2004, no. hadis 384):

Maksudnya: Majulah kamu kepada yang lebih baik, iaitu daripada jihad yang kecil kepada jihad yang lebih besar. Sahabat r.a. bertanya: Apakah jihad yang besar? Rasulullah (s.a.w) menjawab: Hamba yang melawan nafsunya.

Ini menunjukkan bahawa EK itu sebenarnya bersifat umum, iaitu tidak hanya bersifat khusus kepada bidang tertentu dan bersifat kekal. Walau bagaimanapun konsep ini bertentangan dengan Barat, yang mana Barat melihat EK lebih bersifat khusus dan tidak kekal dalam semua situasi. Ini kerana menurut Bandura (1993, 1997, 2003) persepsi terhadap EK adalah subjektif dan spesifik pada aspek tertentu, sebagai contoh seseorang mungkin ragu-ragu dengan kebolehan bersosialisasi, namun yakin dengan kebolehannya dalam bidang akademik. Marsh et al. (1991) mengulas isu ini dengan

menyatakan bahawa seseorang tidak boleh membandingkan efikasi dirinya dengan orang lain kerana EK ialah kepercayaan peribadi individu yang realistik untuk melakukan tugas yang ditentukan.

Efikasi Kendiri Disertai dengan Sifat Sabar, Syukur, Redha dan Tawakkal

Sekiranya pedang merupakan senjata yang digunakan oleh tentera bagi melawan musuh di medan pertempuran, sebaliknya syukur dan sabar merupakan senjata dan perisai orang mukmin bagi melawan musuh yang ada pada diri (nafsu) (al-Ghazali, 2006). Ini bertepatan dengan hadis Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim (1984, no. hadis 7692) yang berbunyi:

Maksudnya: Alangkah kagumnya dengan golongan mukmin. Semua urusannya berjalan lancar. Golongan mukmin itu apabila dikurniakan kesenangan, mereka bersyukur kerana itulah yang terbaik buat mereka, dan apabila ditimbal dengan musibah, mereka bersabar kerana itulah yang terbaik buat mereka.

Hadis ini menyokong firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Wahai Nabi, perangsangan lah orang-orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu). Dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti (Al-Quran 8:65).

Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa pada diri setiap individu itu terdapat satu kekuatan (*energy*) yang mampu mengatasi apa jua bentuk kesukaran dalam menempuh kehidupan seharian dan kuncinya ialah sabar. Dalam ayat yang lain Allah (s.w.t) menyatakan bahawa kunci kepada kejayaan, kebahagiaan dan kesenangan ialah

syukur. Kejayaan, kebahagiaan dan kesenangan akan berlipat kali ganda sekiranya hambaNya bersyukur. Ini jelas seperti janji Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur, ingkar sesungguhnya azab Ku amatlah keras" (Al-Quran 14:7).

Sebagai individu mukmin, seseorang itu harus yakin bahawa apa yang diberikan oleh Allah (s.w.t) kepadanya samada perkara yang disukai atau tidak adalah yang terbaik buatnya.

Maksudnya: Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah (s.w.t) jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.

Hakikat atau hikmah berlakunya sesuatu musibah ke atas diri seseorang individu hanya dapat disingkap apabila individu tersebut bersabar, bersyukur dan bermuhasabah atas apa yang telah dilakukan. Pada ketika itu barulah individu yang ditimpa musibah tersebut akan menyedari bahawa apa yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t) baginya samada baik atau buruk adalah yang terbaik buat diri, seterusnya lahiriah perasaan redha atas ketentuan Allah (s.w.t) (al-Ghazali, 2004). Inilah matlamat hidup seorang mukmin iaitu mencari redha Allah (s.w.t) seperti firman Allah (s.w.t) yang berbunyi:

Maksudnya: Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah syurga Adn (tempat tinggal yang tetap), yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekallah mereka di dalamnya selama-lamanya; Allah (s.w.t) reda akan mereka dan mereka pun reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang takut (melanggar perintah) Tuhannya.

Individu yang mempunyai EK yang tinggi tidak hanya percaya kepada keupayaan diri dan seterusnya melaksanakan sesuatu tugas dengan penuh komitmen dan konsisten, bahkan pada penghujung segala usaha yang dilakukan mereka menyerahkan segala usaha tersebut kepada Allah (s.w.t) (Yusuf al-Qaradawi, 2002) Hal ini seperti yang disarankan dalam surah Al-'Imran (3:169) bahawa Allah (s.w.t) telah berfirman:

Maksudnya: Kemudian apabila Engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah (s.w.t), sesungguhnya Allah (s.w.t) mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

Nabi Muhammad (s.a.w.) tidak membenarkan seseorang individu Muslim bertawakal kepada Allah (s.w.t) semata-mata tanpa melakukan sebarang usaha. Konsep tawakal ini haruslah disertakan dengan usaha yang sepatutnya. Hal ini seperti yang digambarkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tarmizi (1999) bahawa Nabi s.a.w. telah meminta seorang sahabat r.a. untuk mengikat untanya pada sebatang pokok terlebih dahulu sebelum tawakal meninggalkannya.

Maksudnya: Aku ikat kenderaan ku lalu aku bertawakal, atau aku lepas ia dan aku bertawakal? Rasulullah s.a.w. menjawab: "Ikatlah kenderaan mu lalu bertawakallah."

Cir-ciri inilah yang membezakan antara EK Islam dan Barat. Dalam membincangkan tentang EK, Barat tidak menyentuh soal sabar, syukur, redha dan tawakal. Ini kerana konsep ini mempunyai hubung kait dengan konsep tauhid *uluhiyyah*, iaitu percaya kepada keesaan dan kekuasaan Allah (s.w.t) sebagai pencipta sekalian makhluk dan alam semester.

Kesimpulan

Konsep EK dari perspektif Islam dan Barat dengan mengenengahkan beberapa titik persamaan dan perbezaan anatara kedua-dua pandangan

tersebut. Justeru, jelaslah bahawa konsep EK sememang wujud dalam ajaran Islam, bahkan ia lebih bersifat holistik dengan mengambil kira konsep tauhid *uluhiyyah* dan konsep kejadian manusia sebagai *ahsan al-taqwim*.

Rujukan

Al-Quran

Abdul Aziz, I. (1995). *Membina Minda dan Peribadi Muslim*. Al-Hidayah Publisher, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abdul Aziz, I. (1998). *Menyemai Keyakinan Diri Untuk Berjaya*. Al-Hidayah Publisher, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abdullah, H., & Ainon, M. (2006). *Kemahiran Interpersonal untuk Guru (Edisi Ke-6)*. PTS Publication & Distributors, Kuala Lumpur, Malaysia.

Ajzen, L. (1991). The teori of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211.

Al-Bayhaqi, A. H. (2004). *Al-Zuhud Al-Kabir. al-Majma' Thaqaifi*, Kaherah.

Al-Ghazali, A. H. (2004). *Minhaj Al-Abidin*. Victory Agency, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Ghazali, A. H. (t.th). *Ihya' Ulum al-Din*. Al-Masyad, Kaherah.

Al-Rabi'I, J. S. H. (2003). *Mushkilat Al-Nafs wa Al-Aql fi Al-Falsafah Ibn Majah*. Hilwan, Saudi Jami'ah.

Al-Tarmizi, M. I. (1999). *al-Sunan*. Dar al-Hadis, Kaherah.

Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist* 37, 122-147.

Bandura, A. (1997). Self efficacy in changing

society. Cambridge University Press, New York, USA.

Bandura, A. (2003). *Self Efficacy: The Exercise of Control*. Freeman and Company, New York, USA.

Chester, M. D., & Beaudin, B. Q. (1996). Efficacy beliefs of newly hired teachers in urban schools. *American Educational Research Journal*, 33(1), 233-257.

Dacey, J. & Kenny, M. (1997). *Adolescent Development (Ed. Ke-2)*. Brown and Benchmark Publisher, Dubuque.

Danial, Z. A. (2007). *Quran Saintifik (Ed. Ke-3)*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.

Daud, R. (2000). *Islam dalam Berbagai Dimensi*. Gema Insani Press, Jakarta, Indonesia.

Ibn Asyur, M. A. (1984). *al-Tahrir wa al-Tanwir. al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr*, Tunis.

Ibrahim, N. (2005). *Anda Ada Pilihan.: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.*, Kuala Lumpur, Malaysia.

Khoo, A., & Stuarat, T. (2004). *Master Your Mind Design Your Destiny*. Adam Khoo Learning Publisher, Singapore.

Larson, L. M. (1992). *Counseling Self-Estimated Inventory*. I. A., Ames.

Lin, C. (1998). Comparison of the effects of self-efficacy on coping with cronic cancer pain and coping with chronic low back pain. *Clinic Journal of Pain*, 14, 303-310.

Marsh, H. L., Walker, R., & Debus, R. (1991). Subject-specification components of academic self-concept and self-efficacy. *Contemporary Educational Psychology*, 16, 331-341.

Maznah, H. (2002). *Motivasi Memburu*

- Kejayaan. Maznah Motivational Centre, Kuala Lumpur.
- Munson, W.W., Zorneik, D. A., & Stadulis, R. E. (1986). Training potential thereapeutic recreators for self-efficacy and competence in interpersonall skills. *Thraputic Recreating Journal*, 20(1), 53-62.
- Muslim, I. A. (1984). *al-Jami' al-Sahih*. Dar Ihya' Turas al-Arabi, Beirut.
- Orpen, C. (1995). Self-efficacy beliefs and job performance among black managers in South Africa. *Psychology Reports*, 76, 34-43.
- Pajares, F. (1997). Current directions in self-efficacy research. In Meahr M., *Advance in Motivation and Achiement* (pp. 1-49). JAI Press, Greenwich CT.
- Rorlinda, Y. (2009). *Kecerdasan Emosi, Efikasi Kendiri dan Sumbangan Terhadap Komitmen Guru Kaunseling Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ruhi, B. (2004). *Al-Mawrid*. Dar al-'Ilm li Maliyin, Beirut.
- Sidek, B. (2011). Pendidikan Islam dam Transformasi Pendidikan. *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011*, 4-9 Disember 2011.
- Stajkovic, A. D., & Luthan, F. (1988). Self efficacy and work-related performance: a meta analysis. *Psychological Bulletin*, 124, 240-261.
- Sulaiman, A. (2008). *Kecerdasan Berasaskan Asma al-Husna*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.
- Tschannen-Moran, M. (2012) On-line Interview, 5 April 2012.
- Uline, C. L., Miller, D. M., & Tschannen-Moran, M. (1998). School effectiveness: The underlying dimensions. *Educational Administration Quarterly*, 34(4), 462-483.
- Yusof, A. (2002). *Konsep Tawakal dalam Islam*. Pustaka Syuhada, Jakarta, Indonesia.
- Zaini, U. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.